



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2016/04/36 (HQ)

TNB BELANJA RM54 JUTA PERKUKUHKAN INFRASTRUKTUR ELEKTRIK DI PULAU PINANG

Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun ini memperuntukkan perbelanjaan modal sebanyak RM54 juta untuk penyediaan kemudahan infrastruktur dan rangkaian kabel serta pencawang di Negeri Pulau Pinang.

Menurut Ketua Jurutera Negeri (Pulau Pinang), Bahagian Pembahagian TNB, Tuan Haji Ismail Lathifi bin Teh berkata, sebahagian daripada peruntukan tersebut bertujuan untuk memperkukuhkan lagi sistem bekalan elektrik di kawasan Balik Pulau, Pulau Pinang.

Tuan Haji Ismail Lathifi turut menyeru kepada para pengguna supaya menggunakan elektrik secara berhemah, selamat, dan bijak iaitu dengan mematuhi peraturan-peraturan yang telah digariskan bagi mengelakkan kemalangan yang boleh meragut nyawa.

Di majlis tersebut, TNB turut menyumbangkan beberapa unit peralatan elektrik seperti penghawa dingin, dan softboard di dewan sekolah untuk Sekolah Kebangsaan Sungai Rusa dalam kawasan Parlimen Balik Pulau. Kesemua sumbangan ini bernilai RM20,000.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Teluk Bahang, YB Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah, Pegawai Daerah Barat Daya, Yang Mulia Raja Azlal bin Raja Azman.

Dikeluarkan di Balik Pulau, Pulau Pinang pada 8 Mei 2016

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)
media@tnb.com.my*